

Elemen dalam Buku Cerita Binatang sebagai Sumber Pemerolehan Bahasa Murid Lembam

BITARA

Volume 5, Issue 4, 2022: 134-146
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 29 Jun 2022
Accepted: 29 October 2022
Published: 9 December 2022

[Elements in Animal Storybooks as a Language Acquisition Resource for Retarded Students]

Siti Noridayu Abd. Nasir¹ & Hazlina Abdul Halim¹

1 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, MALAYSIA. E-mail: noridayu87_nasir@yahoo.com; hazlina_ah@upm.edu.my

* Corresponding Author: hazlina_ah@upm.edu.my

Abstrak

Hasil penulisan karya sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan bahasa murid lembam di Malaysia. Malahan, penghasilan buku cerita kanak-kanak memerlukan elemen penting yang boleh menarik perhatian serta minat kanak-kanak untuk membaca. Walau bagaimanapun, murid lembam yang mengalami masalah pembelajaran memerlukan buku yang sesuai bagi membantu mereka mempelajari bahasa pertama dalam komunikasi serta menjalani pembelajaran akademik. Oleh yang demikian, buku cerita binatang dapat memberikan maklumat bertulis serta visual bagi mengenali haiwan yang menjadi watak dalam cerita yang dipilih sebagai item kajian ini. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada dua buah buku cerita binatang kanak-kanak dengan mengenal pasti elemen yang dapat menarik perhatian kanak-kanak lembam. Kemudian, elemen yang menjadi tarikan kanak-kanak lembam tersebut dianalisis keberkesanannya terhadap cara pembelajaran kanak-kanak lembam. Kajian ini dijalankan di negeri Perlis yang melibatkan seorang murid lembam lelaki yang telah disahkan oleh pengamal perubatan bertauliah. Kanak-kanak lelaki tersebut berusia 10 tahun yang kini ditempatkan di kelas pemulihan bagi pelajar berkeperluan khas. Hasil dapatan kajian memperlihatkan penggunaan buku cerita binatang dapat membantu murid lembam mempelajari bahasa pertama dengan pendekatan yang menarik. Malah, nilai murni yang diterapkan dalam buku cerita dapat mendidik tentang sikap baik kepada responden. Adalah diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat membantu murid berkeperluan khas menguasai bahasa Melayu melalui pembacaan buku cerita kanak-kanak yang menarik.

Kata kunci: murid lembam, buku cerita binatang, pemerolehan bahasa

Abstract

The children's story books in Malay literature being an important in children's language acquisition in Malaysia. In fact, the production of children's story books requires an important elements that can attract children's attention and interest in reading. However, slow learners students with learning disabilities need appropriate books to help them learn their first language in communication as well as academic learning. Therefore, an animal story books can provide written and visual information to recognize the animals that are characters in the story selected as an item of this study. Next, this study will focus on two children's animal story books by identifying an elements that can attract the attention of slow learner student. Then, an elements that attract the slow learner students are analyzed for their effectiveness in the way of research respondent. This study was conducted in the state of Perlis involving a male children who was confirmed by a certified medical practitioner. He is 10 years old boy is currently placed in a special education class for students with special needs education. The results of the study show that the use of animal story books can help slow learner

children to learning first language with an interesting approach. In fact, the virtues applied in story books can educate respondents about good attitudes. It is hoped that this study can help student with special needs education mastery in Malay language through reading interesting children's story books.

Keywords: slow learners student, an animal story books, language acquisition

Cite This Article:

Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim. (2022). Elemen dalam Buku Cerita Binatang sebagai Sumber Pemerolehan Bahasa Murid Lembam [Elements in Animal Storybooks as a Language Acquisition Resource for Retarded Students]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 134-146.

Pengenalan

Kanak-kanak lembam di Malaysia merupakan pemegang kad Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam kategori masalah pembelajaran di Malaysia. Menurut Aizan Sofia Amin, Hasanatulakhma Mat Ayu dan Jamiah Manap (2020) antara jenis kecacatan yang di alami OKU (Masalah Pembelajaran) ialah lembam yang disebabkan oleh kecacatan otak, autistik, sindrom down, terencat akal ringan, dan terencat akal sederhana. Oleh yang demikian, kanak-kanak lembam yang mengalami masalah dalam pembelajaran adalah individu yang lazimnya mengalami kecacatan dalam aspek komunikasi. Masalah kecacatan bahasa ini melibatkan pemerolehan bahasa pertama yang digunakan dalam aktiviti komunikasi lisan dan bertulis kanak-kanak lembam. Oleh yang demikian, kanak-kanak lembam diberikan silibus pembelajaran bahasa yang berbeza pada tahap rendah bagi membantu mereka mendapat bahasa pertama.

Maka, pihak sekolah telah mewujudkan kelas pembelajaran yang sesuai serta mengikut tahap bagi kanak-kanak lembam di kelas pemulihan khas di sekolah terpilih. Oleh yang demikian, penggunaan buku dalam proses pembelajaran menjadi salah satu aktiviti dalam membantu pemerolehan bahasa kanak-kanak lembam di sekolah. Namun begitu, aplikasi penggunaan buku teks di sekolah tidak mencukupi bagi membantu kanak-kanak lembam mendapatkan bahasa dengan baik. Malah, Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap dan Noremy Md Akhir (2016) menjelaskan sebagai ahli Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya, Malaysia harus meletakkan kesejahteraan kanak-kanak kurang upaya sebagai agenda utama negara demi memastikan hak mereka untuk mendapat akses kepada kediaman dan kehidupan berkeluarga dapat dipenuhi. Oleh itu, inisiatif lain perlu diterapkan bagi membantu kanak-kanak lembam mendapat pendidikan yang baik kepada mereka.

Namun begitu, buku akademik dengan silibus khas memerlukan ciri tertentu dalam menarik minat kanak-kanak lembam untuk membaca serta menulis dan memahami sesuatu mesej yang disampaikan melalui teks yang dibaca. Walau bagaimanapun, kanak-kanak lembam lazimnya tidak menunjukkan minat dalam proses pembelajaran bahasa menggunakan buku ilmiah di sekolah. Menurut Zalizan Mohd Jelas (2009) murid bermasalah pembelajaran adalah murid yang mempunyai pelbagai masalah pembelajaran seperti membaca, menulis dan mengira. Kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) diajarkan sebagai asas di sekolah.

Walau bagaimanapun, menurut Zalizan Mohd Jelas (2009) lagi murid bermasalah pembelajaran sukar mempelajari kemahiran mengikut arahan kerana mengalami tumpuan yang lemah.

Malah, Shaidatul Nadira Shahrur dan Roslinda Rosli (2018) menjelaskan walaupun mereka tidak seperti kanak-kanak normal yang lain, tetapi dengan gaya pembelajaran yang sesuai dan tepat, mereka juga boleh menguasai sesuatu cabang ilmu dengan baik. Maka, Selain itu, kanak-kanak lembam juga mengalami masalah penguasaan perbendaharaan kata yang agak terhad berbanding kanak-kanak normal. Hal ini kerana, mereka lebih memahami sebarang pemerolehan bahasa yang sering digunakan di rumah dan persekitaran mereka sahaja. Malahan, kanak-kanak lembam mengalami masalah kurang keyakinan dalam diri mereka. Oleh itu, perlunya penggunaan bahan pembelajaran yang lebih menarik diaplikasikan bagi membantu kanak-kanak lembam.

Penghasilan buku sastera kanak-kanak seperti buku cerita binatang merupakan salah satu bahan yang menarik yang mengandungi elemen pembelajaran bahasa yang mudah. Cirinya yang menarik dengan kaedah visual, penggunaan imej berwarna dan teks besar dengan ayat yang mudah difahami begitu praktikal kepada kanak-kanak lembam. Hal ini kerana, menurut Manisah Mohd Ali dan Norizza Sahal (2016) menyatakan murid bermasalah pembelajaran merupakan antara murid yang berisiko dalam aspek pemahaman dan penyimpanan maklumat berikutan keupayaan mereka dalam memberi tumpuan adalah lemah. Menurut Chiang Ee Fong (2018) masa depan murid-murid yang kurang upaya dalam pembelajaran ini perlu bantuan dari pelbagai pihak.

Sorotan Kajian

Penulisan ilmiah dalam kajian yang dijalankan memerlukan rujukan serta ruang kajian lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana. Maka, kajian lepas yang telah dijalankan berpotensi memberikan idea kepada kajian baru yang sedang dijalankan. Lazimnya, penyelidik meneliti aspek kajian lepas melalui fokus kajian, metodologi kajian, penggunaan teori, hasil dapatan kajian serta cadangan bagi kajian tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini juga meneliti kajian lepas yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak atau murid berkeperluan khas (lembam), sastera kanak-kanak juga Teori Behaviorisme Edward Lee Thorndike bagi mendapatkan ruangan kajian yang belum diolah dalam kajian sebelum ini.

Oleh itu, Nur Kolis dan Aisyah Fajar Putri Artini (2022) menjalankan kajian ilmiah tentang penyelidikan berkaitan Teori Behaviorisme Edward Lee Thorndike dan Iman Al Ghazali dalam pembelajaran kanak-kanak pada usia permulaan. Kajian memperlihatkan teori pembelajaran oleh Edward Lee Thorndike lebih menekankan kepada peristiwa pembelajaran yang boleh diterima oleh akal dan dibuktikan melalui pancaindera manusia yang rasional. Namun begitu, dalam teori pembelajaran oleh Al Ghazali pula tidak hanya memberikan perhatian kepada peristiwa dalam pembelajaran tetapi sesuatu yang berlaku secara rasional dan bersifat normatif serta kualitatif. Oleh itu, Teori Behaviorisme Edward Lee Thorndike dalam mengaplikasikan *try and error* dilaksanakan dengan memberikan motivasi kepada kanak-kanak di usia muda.

Kemudian, Puteri Roslina Wahid (2016) menjalankan kajian tentang gaya pembelajaran kanak-kanak lembam dalam bahasa Melayu. Kajian ini membincangkan tentang gaya

pembelajaran kanak-kanak lembam yang menjalani Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di salah sebuah sekolah di negeri Kelantan. Kemudian, seramai lima orang kanak-kanak lembam yang telah disahkan oleh pengamal perubatan bertauliah di bawah penyeliaan PPKI menjadi responden kepada kajian kes ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah soalan ujian serta pemerhatian berstruktur. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga gaya pembelajaran yang digunakan kanak-kanak lembam. Antaranya, 77 peratus adalah visual, 52 peratus auditori dan 65 peratus adalah kinestetik. Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian ini menunjukkan kanak-kanak Lembam lebih dominan dengan gaya pembelajaran secara visual. Malahan, kanak-kanak lembam dapat menguasai kefahaman bahasa Melayu dari aspek huruf dan suku kata. Namun begitu, kanak-kanak lembam dapat menguasai menulis dan membaca secara sederhana.

Seterusnya, Nor Atikah Shahdan (2015) pula telah menjalankan kajian akhir sarjana berkaitan strategi pengurusan bagi mengkomersialkan buku sastera kanak-kanak. Fokus kajian ini adalah untuk melihat strategi yang digunakan untuk mengkomersialkan buku sastera kanak-kanak. Dapatan kajian diperoleh melalui proses temubual. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti cara kandungan buku kanak-kanak direka bentuk dari aspek gambar, gaya penulisan, senu ilustrasi serta penggunaan jenis kertas. Hasil dapatan menunjukkan penulis buku lebih cenderung menghasilkan karya sastera kanak-kanak berbahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Malahan, penerbit dan penulis bersama-sama memasarkan serta menjalankan promosi untuk memasarkan karya sastera kanak-kanak kepada ibu bapa. Namun begitu, ibu bapa kurang memberikan galakan dalam buku sastera bahasa Melayu yang mengakibatkan kanak-kanak kurang mengetahui cerita-cerita dalam sastera Melayu.

Selanjutnya, Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affandi dan Intan Zahariah Gaisun (2014) telah menjalankan kajian tentang ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. Kajian ini menggunakan bahan bacaan kanak-kanak dalam bentuk realiti, fantasi dan logik. Oleh itu, tiga buah buku cerita telah dipilih sebagai alat kajian. Antaranya, buku cerita *Cinderella*, *Jack dan Pokok Kacang Ajaib* serta *Si Comel Bertudung Merah*. Buku cerita yang dipilih ini bersesuaian bagi usia kanak-kanak tujuh hingga lapan tahun. Kemudian, kajian ini melibatkan seramai 70 orang kanak-kanak tujuh hingga lapan tahun. Mereka merupakan kanak-kanak yang sederhana dan cemerlang dalam akademik daripada tujuh buah negeri yang mewakili setiap zon di Malaysia. Hasil dapatan kajian menunjukkan emosi begitu penting dalam sastera kanak-kanak kerana mereka menunjukkan rasa gembira, seronok, teruja, bersemangat, bosan, takut dan bersahaja melalui bahan bacaan yang dipilih.

Selepas itu, Sulaiman Masri (1993) dalam penulisan ilmiahnya telah menggariskan dalam sastera kanak-kanak tentang penulisan bahan bacaan kanak-kanak. Antaranya adalah buku kanak-kanak mesti dikarang dengan tujuan tertentu berlandaskan tujuan pendidikan yang hendak dicapai bergantung pada taraf pendidikan dan kesesuaian umur kanak-kanak. Kemudian, buku kanak-kanak tersebut perlu sesuai dengan bahan yang diperlukan bagi mencapai matlamat pendidikan mereka. Malahan, kaedah penulisan mesti dipertimbangkan terlebih dahulu dari aspek kesukaran yang akan dihadapi kanak-kanak semasa membaca buku tersebut. Bahan permulaan yang baik untuk kanak-kanak perlu dimulakan dengan bahan yang selalu mereka tahu, dengar dan lihat. Selain itu, bahasa yang digunakan dalam sastera kanak-

kanak mesti sesuai dengan tahap pencapaian bahasa yang dimiliki kanak-kanak. Seterusnya, gambar dan ilustrasi perlu dipaparkan berdasarkan fungsi yang betul dengan jumlah mengikut kesesuaian usia kanak-kanak. Akhir sekali adalah bentuk fizikal bahan bacaan yang digunakan. Antaranya adalah kertas, ukuran buku sama ada tebal atau nipis, ukuran huruf, jarak antara huruf, ilustrasi bersama gambar serta angka dan perkataan. Oleh yang demikian, semua aspek tersebut perlu dipertimbangkan secara didaktis-psikologis dan didaktis-metodologis.

Kemudian, Salmah Ayob (1981) menjalankan kajian berkaitan sastera untuk kanak-kanak dengan melihat fungsi dan kesannya. Kesusasteraan kanak-kanak adalah salah satu medium penyampaian yang mempunyai pengetahuan moral, estetika, sistem nilai serta aspek kebudayaan. Melalui karya sastera kanak-kanak, maka kanak-kanak dapat menyedari kewujudan kegelisahan, kekecewaan, kebimbangan serta kemerosotan hidup manusia wujud dalam kehidupan manusia seharian. Oleh yang demikian, kanak-kanak dapat menjalankan penilaian sendiri bagi menyelesaikan masalah yang mungkin mereka alami. Kanak-kanak dapat bukan sahaja melihat diri mereka dalam watak yang dibaca tetapi individu lain juga dalam cerita tersebut. Melalui pembacaan sastera kanak-kanak kefahaman kanak-kanak dapat dipertingkatkan dalam aras yang lebih rasional. Oleh itu, membaca karya sastera kanak-kanak membolehkan mereka melihat sesuatu masalah dengan lebih objektif dan lebih baik.

Oleh yang demikian, kajian lepas berkaitan penerbitan buku sastera kanak-kanak, aspek emosi yang wujud dalam sastera kanak-kanak, kesan serta fungsi sastera kanak-kanak serta kajian tentang pembelajaran murid lembam menjadi sandaran kepada kajian yang dijalankan ini. Malahan, kajian lepas telah memberi lompang kajian untuk penyelidikan ini bagi melihat keberkesanan penggunaan buku cerita binatang sebagai karya sastera kanak-kanak untuk membantu pemerolehan bahasa Melayu murid lembam. Hasil yang terperinci bagi menjawab objektif kajian dibincangkan dengan lebih mendalam melalui dapatan kajian ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap seorang murid lembam yang berusia 10 tahun di negeri Perlis. Hal ini kerana, murid lembam ini telah disahkan oleh pengamal perubatan bertaauliah bahawa mengalami masalah dalam pembelajaran. Maka, kanak-kanak ini ditempatkan di kelas pemulihan khas di Sekolah Simping Empat, Perlis sejak sekolah rendah lagi. Sebelum penyelidik menjalankan kajian terperinci tentang kanak-kanak tersebut maka pemilihan alat kajian ditentukan terlebih dahulu. Justifikasi pemilihan responden kerana mempunyai tahap pemerolehan bahasa pertama yang masih rendah dan tidak dapat membaca dengan baik walaupun telah berusia 10 tahun.

Seterusnya, penyelidik menjalankan dua sesi temubual dengan mendapat kebenaran daripada waris murid lembam tersebut. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini bersandarkan kepada tiga objektif kajian.

- a. Menjelaskan faktor pemilihan buku cerita binatang yang dipilih sebagai alat kajian
- b. Mengenal pasti pemerolehan bahasa murid lembam melalui temubual terbuka
- c. Menghuraikan pemerolehan bahasa melalui penggunaan buku cerita binatang terpilih

Oleh itu, huraian yang lebih jelas diterangkan dalam dapatan kajian melalui dua sesi temubual yang dijalankan oleh penyelidik. Dalam dapatan kajian dijelaskan kaitan hasil pemerolehan bahasa dengan sastera kanak-kanak yang digunakan. Hal ini kerana, penggunaan sastera kanak-kanak memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan memahami bahasa yang dipelajari oleh kanak-kanak. Malahan, penulisan sastera kanak-kanak bukan sahaja penting kepada kanak-kanak normal tetapi menjadi bahan pembelajaran kepada kanak-kanak Lembam dalam kategori berkeperluan khas. Menurut Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affandi dan Intan Zahariah Gaisun (2014) kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang dapat merangsang emosi dan perasaan mereka agar pertumbuhan dan perkembangan emosi mereka seiring dan seimbang dengan perkembangan jasmani, rohani, intelektual dan sosialnya.

Kemudian, menurut Tengku Intan Maslina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat@Mustafa dan Rohayati Junaidi (2020) menjelaskan bahawa kekuatan sesebuah bangsa dapat dilihat dalam reka bentuk kulit buku cerita kanak-kanak yang terpilih melalui penerapan aspek agama, hubungan dengan alam ghaib, mengangkat watak-watak legenda yang menjadi identiti bangsa dan keunikan sesebuah tempat. Justifikasi pemilihan buku cerita binatang yang menggunakan bahasa Melayu bersesuaian dengan keperluan responden sebagai murid lembam yang belajar dalam silibus di Malaysia. Selain itu, menurut Kaithiri Arumugam dan Rohaya Md Ali (2019) menjelaskan buku kanak-kanak sentiasa mendapat tempat dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa. Malah, Kaithiri Arumugam dan Rohaya Md Ali (2019) memperincikan lagi kerana buku kanak-kanak mempunyai unsur keindahan atau estetika yang menyumbang kepada aspek berbahasa dalam kalangan pembaca.

Selanjutnya, kajian ini dijalankan secara deskriptif yang menggunakan kaedah kualitatif secara lapangan. Malah, kajian ini dilaksanakan secara *in depth study* yang meneliti responden kajian secara mendalam. Hal ini demikian kerana, responden kajian yang mengalami masalah pembelajaran mempunyai masalah dan simptom yang berbeza bagi setiap individu. Selain itu, murid lembam mempunyai tahap penguasaan serta pemerolehan bahasa yang berbeza mengikut persekitaran dan tahap lembam yang dihadapi mereka. Bahan sokongan bagi melengkapkan kajian ini diperoleh melalui kajian lepas dalam artikel jurnal, kertas kerja seminar, tesis kajian dan penulisan ilmiah yang bersifat akademik.

Selepas itu, kajian ini mengaplikasikan Teori Behaviourisme dalam pembelajaran bahasa. Teori Behaviourisme Edward Lee Thorndike (1874-1949) diaplikasikan dengan penerapan dalam teori yang menghubungkan pembelajaran dan interaksi antara stimulus dan respons yang diberikan. Oleh yang demikian, Edward Lee Thorndike tentang stimulus yang menjadi perubahan dalam lingkungan luaran bagi mengaktifkan seseorang dalam proses belajar. Malah, aspek tindak balas dikaitkan dengan tingkah laku seseorang dalam proses bertindak semasa belajar. Selain itu, teori ini mempunyai tiga dasar yang penting dalam pembelajaran bahasa.

Selain itu, Hermansyah (2020) menjelaskan Thorndike berpandangan bahawa jenis pembelajaran yang paling fundamental adalah pembentukan hubungan atau gagasan antara pengalaman manusia (persepsi terhadap stimulus atau peristiwa) dan impuls saraf (respons) yang memberikan manifestasi dalam bentuk tingkah laku. Menurut, Hermansyah (2020) lagi Thorndike mengukuhkan sesuatu tingkah laku dengan *try and error* dalam pembelajaran.

Malah, Dina Amsari dan Mudjiran (2018) juga menegaskan bahawa Thorndike berpendapat belajar merupakan proses hubungan antara stimulus respons yang berakhir kepada perubahan tingkah laku manusia. Kemudian, Dina Amsari dan Mudjiran (2018) menegaskan lagi hubungan stimulus respons ini menurut Thorndike dapat diperkuat dengan adanya kesediaan dalam menerima perubahan tingkah laku tersebut (*Law of Readiness*), diberikan pengulangan (*Law of Exercise*) dan diberikan penghargaan (*Law of Effect*).

Hukum pembelajaran dalam Teori Behaviourisme Edward Lee Thorndike:

i. Hukum kesediaan

Responden bersedia untuk belajar (rangsangan motivasi) yang memberikan kesan pembelajaran yang baik. Sebaliknya, jika responden belum bersedia untuk belajar (tanpa rangsangan) menyebabkan terhasilnya kesan pembelajaran yang kurang berkesan.

ii. Hukum latihan

Hubungan antara rangsangan serta tindak balas akan meningkat atau bertambah jika latihan juga aktiviti pengukuhan diberikan secara berulang kali kepada responden.

iii. Hukum kesan

Hubungan antara rangsangan dan tindak balas bertambah baik melalui pengalaman yang menyeronokkan dan aktiviti yang dilakukan secara berulang kali. Manakala, jika berlaku kesan yang tidak baik atau tidak menyeronokkan maka tindak balas positif akan terhapus daripada tindakan responden.

Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan dalam dua sesi yang berbeza bagi melihat keberkesanan penggunaan karya sastra kanak-kanak dalam bentuk buku cerita binatang. Di mana pada sesi pertama menggunakan buku teks bahasa Melayu bagi pendidikan khas dan sesi kedua adalah penggunaan buku cerita binatang. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan teori pemerolehan bahasa kanak-kanak bagi proses analisis data. Menurut (Tay Meng Guat, 2006) menjelaskan bahawa Piaget berpendapat kanak-kanak telah mempunyai alat nurani berbentuk mekanikal yang umum termasuklah kebolehan berbahasa. Kemudian, (Tay Meng Guat, 2006) menyatakan lagi bahawa bagi Chomsky dan Miller berpendapat bahawa alat yang khusus digunakan adalah *Language Acquisition Device* (LAD) yang pernah dikemukakan juga oleh Lenneberg. Oleh yang demikian, LAD merupakan alat nurani yang dimiliki secara semulajadi oleh kanak-kanak bagi memperolehi bahasa pertama mereka.

Objektif Kajian I:

Menjelaskan faktor pemilihan buku cerita binatang yang dipilih sebagai alat kajian.

Bagi memenuhi objektif kajian pertama maka faktor pemilihan karya sastera kanak-kanak diperjelaskan dengan huraian justifikasi pemilihan buku cerita binatang tersebut. Terdapat dua buah buku cerita binatang dengan setiap sebuah buku mengandungi dua buah cerita fabel dari negeri-negeri Asia. Oleh yang demikian, terdapat empat faktor yang digariskan oleh penyelidik bagi pemilihan dua buah buku cerita itu.

i. Ilustrasi yang menarik

Dua buah buku dengan empat cerita tersebut dicetak dengan ilustrasi yang menarik. Gambar binatang sebagai watak dalam cerita dicetak dengan pelbagai warna yang mampu menarik minat kanak-kanak. Malahan, ilustrasi watak-watak haiwan dicetak dengan memek wajah haiwan bergantung kepada penceritaan dan situasi yang berlaku. Hal ini bagi memudahkan kanak-kanak memahami situasi dan keadaan yang sedang berlaku agar lebih dekat dengan emosi pembaca.

ii. Saiz perkataan yang besar

Manakala, saiz perkataan yang digunakan pula adalah lebih besar daripada buku ilmiah. Hal ini kerana sastera kanak-kanak bertujuan memberikan ilmu, keseronokan dan pengajaran dalam penerapan nilai murni. Oleh itu, penggunaan saiz perkataan yang besar juga memudahkan kanak-kanak membaca cerita tersebut. Malahan, saiz tulisan dalam buku cerita ini dicetak dengan warna yang berbeza mengikut suku kata. Maka, suku kata dicetak menggunakan warna hitam dan warna merah.

iii. Cerita yang pendek

Panjang cerita di dalam buku cerita fabel yang mengandungi empat buah cerita mempunyai cerita yang pendek berbanding sastera bagi orang dewasa. Sebuah cerita mengandungi 12 muka surat dengan setiap muka surat mempunyai ilustrasi yang besar. Kebanyakan ilustrasi dicetak separuh muka surat dengan separuh lagi adalah teks. Namun begitu, terdapat juga muka surat yang mempunyai suku sahaja bagi ilustrasi dan separuh suku adalah teks. Walau bagaimanapun, cerita di dalam buku tersebut hanya sekadar cerita pendek sebanyak 12 muka surat sahaja bagi setiap cerita.

iv. Mempunyai teladan dan nilai murni

Keempat-empat buah cerita yang dipilih dalam dua buah buku tersebut mempunyai teladan yang baik dalam penceritaan. Malahan, mempunyai nilai murni yang tidak mengandungi perkara negatif, lucah dan bahan yang tidak sesuai dengan kanak-kanak. Maka, elemen nilai murni menjadi salah satu isi kandungan penting dalam sastera kanak-kanak.

Objektif Kajian II:

Mengenal pasti pemerolehan bahasa murid lembam melalui temubual terbuka

Temubual yang dijalankan bagi melaksanakan soalan secara terbuka penyelidik menggunakan buku pembelajaran bahasa Melayu khas untuk masalah pembelajaran. Hal ini kerana buku tersebut digunakan sebagai silibus pembelajaran untuk kanak-kanak masalah pembelajaran. Transkripsi temubual terbuka terdapat dalam jadual 1.0 tentang respons subjek kajian.

Penyelidik: Buku ini tentang apa? (sambil menunjukkan buku teks)

Subjek: Hanya diam dan tunduk (tiada respons)

Penyelidik: Suka tak kalau baca buku ni? (sambil menunjukkan buku teks)

Subjek: Hanya menggeleng dan diam

Penyelidik: Ini apa? (sambil menunjukkan gambar di depan buku)

Subjek: Hanya menggeleng dan diam

Jadual 1.0: Transkripsi Temubual Terbuka Kali Pertama

Walaupun penyelidik membaca tajuk buka dan menjelaskan isi kandungan buku pembelajaran bahasa tersebut tetapi subjek tidak menunjukkan respons yang baik untuk temubual terbuka tersebut. Malahan, subjek tidak menunjukkan respons berminat untuk meneruskan temubual. Keadaan subjek semasa sesi temubual hanya menggeleng, tunduk dan mendiamkan diri. Hal ini kerana, subjek memerlukan bahan lain yang berbeza daripada buku pembelajaran tersebut. Namun begitu, buku tersebut disediakan dengan teks yang besar serta ilustrasi yang berwarna serta agak besar.

Objektif Kajian Iii:

Menghuraikan pemerolehan bahasa melalui penggunaan buku cerita binatang terpilih.

Bagi melengkapkan objektif kajian ketiga, penyelidik telah membacakan cerita dengan sekali bacaan kepada murid lembam terbabit. Bacaan cerita tersebut dibaca sambil menunjukkan ilustrasi yang dicetak bersama teks. Hal ini kerana, murid lembam yang terpilih sebagai responden ini mempunyai kemahiran komunikasi yang lemah kerana kanak-kanak terbabit mengalami masalah dalam pembacaan yang agak kritikal. Walaupun dapat berkomunikasi secara lisan tetapi responden terbabit hanya memiliki perbendaharaan kata yang agak terhad.

Penyelidik: Seronok cerita dalam buku ini? (menunjukkan dua buah buku cerita binatang)

Subjek: Hanya tersenyum dan mengangguk (riak wajah riang dan malu-malu)

Penyelidik: Ni cerita binatang apa? (menunjukkan ilustrasi muka depan cerita 1)

Subjek: Merang dengan monyet

Penyelidik: Ni cerita binatang apa? (menunjukkan ilustrasi muka depan cerita 2)

Subjek: Serigala, harimau dengan singa

Penyelidik: Ni cerita binatang apa? (menunjukkan ilustrasi muka depan cerita 3)

Subjek: Keldai dengan harimau

Penyelidik: Ni cerita binatang apa? (menunjukkan ilustrasi muka depan cerita 4)

Subjek: Tikus dengan gajah

Penyelidik: Cerita ni bagus tak?

Subjek: Bagus (sambil mengangguk tanda setuju)

Jadual 2.0: Temubual Terbuka bagi Tembual Kali Kedua

Jadual 2.0 menunjukkan transkripsi temubual terbuka yang dijalankan pada kali kedua. Dalam transkripsi menunjukkan murid lembam terbabit mengenali haiwan yang ditunjukkan melalui cerita dan menunjukkan reaksi positif semasa cerita dibacakan. Walaupun, kanak-kanak tidak dapat memahami sepenuhnya kandungan nilai murni serta teladan yang diwujudkan dalam cerita tetapi kanak-kanak terbabit dapat memahami apa yang dilihat olehnya kerana mempunyai ilustrasi yang menarik perhatiannya. Selain itu, walaupun teladan tidak difahami secara jelas oleh kanak-kanak terbabit tetapi kanak-kanak itu memahami bahawa ada kebaikan yang wujud dalam buku cerita itu.

Aplikasi Teori Behaviorisme Edward Lee Thorndike

Tingkah laku dan respons yang ditunjukkan oleh responden dilihat berdasarkan penerapan dalam hukum Teori Behaviorisme Edward Lee Thorndike. Lazimnya, teori behaviourisme dikaitkan dengan aspek tingkah laku responden kajian. Oleh yang demikian, tiga hukum yang diterapkan dalam teori dilihat semasa proses mendapatkan data kajian ini. Hukum kesediaan dilihat semasa responden begitu berminat melihat buku bacaan cerita fabel dari Asia yang dijadikan sebagai item kajian ini. Hal ini demikian kerana, ilustrasi yang menarik dengan imej berwarna dapat menarik minat murid lembam untuk melihat lebih mendalam tentang isi kandungan buku cerita yang dijangka mempunyai imej atau visual yang lebih menarik. Oleh itu, berlakunya rangsangan motivasi untuk responden terus mendengar cerita dan mengeja perkataan bagi mengetahui isi kandungan buku cerita tersebut. Namun begitu, penggunaan buku teks menyebabkan responden tidak berminat untuk menjalankan kajian kerana tidak mempunyai rangsangan yang menarik minatnya untuk terus melihat imej dan kandungan buku teks.

Seterusnya, hukum latihan menunjukkan berlakunya rangsangan dan tindak balas yang baik semasa menggunakan buku cerita fabel (binatang) kerana imej binatang tersebut sering dilihat melalui buku lain, televisyen dan laman sesawang. Malah, responden mengenali dengan baik serta jelas imej haiwan-haiwan yang ditunjukkan oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan. Sesuatu yang dilihat secara berulang kali dapat memberikan kesan kepada ingatan

jangka masa panjang murid lembam dalam mengenali dengan jelas sesuatu objek. Selain itu, sesuatu yang dilihat, didengari dan diungkapkan secara berulang membantu meningkatkan proses pemerolehan bahasa pertama responden.

Selanjutnya, adalah hukum kesan yang menunjukkan berlakunya hubungan antara rangsangan dan tindak balas yang bertambah baik dengan pengalaman mengenali nama-nama haiwan yang digunakan sebagai item kajian. Responden dilihat begitu yakin memberikan jawapan dan tidak tertekan kerana mengenali haiwan tersebut dengan jelas. Namun begitu, responden tidak menunjukkan minat untuk melihat isi kandungan buku teks yang ditunjukkan untuk dibaca dan membuatkan perasaan teruja dan ingin tahu responden hilang.

Oleh itu, penerapan Teori Behaviourisme Edward Lee Thorndike menepati dapatan kajian yang dijalankan kepada murid lembam yang dipilih sebagai responden kajian ini. Hal ini kerana, hukum kesediaan, hukum latihan dan hukum kesan menepati tingkah laku yang ditunjukkan oleh responden sepanjang kajian dijalankan. Dapatan menunjukkan bahawa impak positif boleh berlaku dengan menggunakan bahan bacaan yang lebih menarik, santai dan mudah difahami oleh murid lembam. Sebaliknya, berlaku kesan yang negatif dalam proses pembelajaran jika bahan yang digunakan bersifat ilmiah, teks yang panjang dan tidak menggunakan imej yang menarik. Hal ini berlaku kerana, tahap pembelajaran murid lembam berbeza dengan murid normal yang lebih ke depan dalam penguasaan bahasa pertama. Kelemahan penguasaan bahawa menyebabkan murid lembam lebih cenderung memahami bahan bacaan yang bersifat mudah serta ringkas walaupun tidak sesuai tahap usia sebenar mereka.

Kesimpulan

Kesimpulannya, karya sastera kanak-kanak memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pemerolehan bahasa murid lembam. Tambahan lagi, pemerolehan bahasa murid Lembam memerlukan tarikan yang menggunakan warna menarik, ilustrasi, teks yang lebih besar bagi memudahkan mereka memahami jalan cerita tersebut. Oleh yang demikian, penghasilan karya sastera kanak-kanak dilihat mampu menjadi medium pemerolehan bahasa Melayu kepada kanak-kanak yang mengalami masalah lembam atau lambat dalam proses pembelajaran. Zainiah Mohamed Isa dan Nor Fairizan Che Husin (2012) menjelaskan bahawa memupuk sifat suka membaca dan berdampingan dengan buku adalah langkah asas mengembangkan potensi kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak. Raja Nur Fakhriah Raja Zainal Badri dan Aizan Sofia Amin (2018) mereka memerlukan lebih perhatian dan keperluan khas berbanding dengan pelajar lain.

Oleh yang demikian, aplikasi penggunaan buku cerita binatang digunakan oleh ahli keluarga dan guru untuk dijadikan bahan pembelajaran bahasa pertama murid lembam pada peringkat awal. Perbezaan tahap pemahaman menekan psikologi murid lembam untuk mempelajari bahasa secara formal. Malah, kelemahan memahami dan menguasai bahasa pertama menyebabkan terjejasnya aspek komunikasi secara lisan atau bertulis. Umum mengetahui bahawa di Malaysia penggunaan bahasa Melayu yang baik diperlukan bagi kelancaran kehidupan harian. Namun begitu, kegagalan menguasai bahasa pertama oleh murid lembam menyebabkan mereka tersisih daripada mengecapi kemajuan dan kehidupan seperti

manusia normal lain. Malah, Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar dan Norasuzaini Sujak (2009) menegaskan sebagai warganegara Malaysia, golongan OKU mempunyai hak sosial untuk mendapat akses dan ekuiti dalam pendidikan.

Selanjutnya, melalui dapatan kajian ini anggota keluarga, pendidik dan masyarakat sekeliling boleh mengaplikasikan penggunaan karya cerita sastera kanak-kanak bagi membantu murid berkeperluan khas. Aplikasinya tidak terhad kepada murid lembam sahaja tetapi boleh dilaksanakan kepada kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran lain yang melibatkan pemerolehan serta penguasaan bahasa. Buku cerita kanak-kanak yang lebih santai juga menarik dapat menjadi medium dalam pembelajaran bahasa Melayu atau bahasa pertama bagi kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran di Malaysia. Oleh yang demikian, inisiatif ini juga dapat membantu penulis buku cerita kanak-kanak dan syarikat penerbitan buku untuk terus menghasilkan karya sastera kanak-kanak merentasi kemodenan dunia maya kini.

Rujukan

- Aizan Sofia Amin, Hasanatulakhma Mat Ayu & Jamiah Manap. (2020). Perkhidmatan Sokongan bagi Keluarga yang Mempunyai Anak Masalah Pembelajaran di Luar Bandar. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 34(3), 28-41.
- Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap dan Noremy Md Akhir. (2016). Peranan Keluarga dalam Kehidupan Kanak-kanak Kurang Upaya Malaysia. *Akademika*. 86(1), 21-30.
- Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affandi & Intan Zahariah Gaisun. (2014). Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak. *Jurnal Melayu*. 13, 72-84.
- Chiang Ee Fong. (2018). Dari Pendidikan Khas ke Pendidikan Pemulihan: Dua Program Masalah Pembelajaran. *Analitika*, 10 (1), 46-53.
- Dina Amsari dan Mudjiran. (2018). Implikasi Teori Belajar E.Thorndike (Behavioristik) dalam Pembelajaran Matematika. *Jurnal Basicedu*. 2(2), 52-60.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar dan Norasuzaini Sujak. (2009). Sokongan dan Halangan yang Dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Asean Journal of Teaching & Learning In Higher Education*. 1(2), 18-29.
- Hermansyah. (2020). Analisis Teori Behavioristik (Edward Thordinke) dan Implementasinya dalam Pembelajaran Sd/Mi. *Jurnal Program Studi PGMI*. 7(1), 15-25.
- Kaithiri Arumugam dan Rohaya Md Ali. (2019). Buku kanak-kanak: Analisis unsur Estetika. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 10, 151-165.
- Manisah Mohd Ali & Norizza Sahal. (2016). Intervensi Meningkatkan Tumpuan dalam Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 41(1), 1-6.
- Nor Atikah Shahdan. (2015). Strategi Pengurusan untuk Mengkomersialkan Buku Sastera Kanak-Kanak. Projek Akhir Sarjana Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Universiti Malaysia Sarawak.

- Nur Kolis & Aisyah Fajar Putri Artini. (2022). Studi Komparatif: Teori Edward Lee Thorndike dan Imam Al Ghazali dalam Implementasinya di Pembelajaran Anak Usia Dini. *Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini*. 2(1), 128-141.
- Puteri Roslina Wahid .(2016). Gaya Pembelajaran Kanak-Kanak Lembam dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. 16(2), 323-348.
- Raja Nur Fakhriah Raja Zainal Badri & Aizan Sofia Amin (2018) Isu dan Cabaran Pelajar Kurang Upaya Penglihatan di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 32(3), 131-145.
- Salmah Ayob.(1981). Sastera untuk Kanak-Kanak: Fungsi dan Implikasinya. *Pendidik dan Pendidikan. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan: Universiti Sains Malaysia*. 3(1), 73-82.
- Shaidatul Nadira Shahrarum dan Roslinda Rosli. (2018). Tahap Pengetahuan Tiga Orang Pelajar Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (Lembam) dalam Penambahan Nombor Bulat. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)*, 5 Julai 2018, Auditorium Utama, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. 165-172.
- Sulaiman Masri. (1993). “Penulisan bahan bacaan kanak-kanak”. *Sekitar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja*. Othman Puteh dan Abdul Ahmad (penyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 15-19.
- Tay Meng Guat. (2006). Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak: Satu Analisis Sintaksis. *Jurnal Penyelidikan IPBL*. 7, 88-108.
- Tengku Intan Maslina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat@Mustafa & Rohayati Junaidi. (2020). Kearifan Tempatan dalam Kulit Buku Sastera Kanak-kanak Terpilih Terbitan PTS. *Jurnal Peradaban Melayu*. 15, 22-37.
- Zainiah Mohamed Isa & Nor Fairizan Che Husin. (2012). Kesan Bacaan Berulang Terhadap Kefahaman Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*. 1, 1-17.
- Zalizan Mohd Jelas. (Pnyt.). 2009. *Pendidikan Kanak-Kanak Bekeperluan Khas: Konsep dan Amalan*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.